



KENYATAAN MEDIA

KEBENARAN AKTIVITI IBADAT DI MASJID DAN SURAU SELEPAS PENAMATAN TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) COVID-19 DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Menjunjung titah perintah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu.

Selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, bermula 9 November 2020 sehingga 6 Disember 2020 yang telah ditamatkan di beberapa buah negeri termasuk Negeri Terengganu Darul Iman berkuatkuasa pada 21 November 2020. Selepas mengambil kira pandangan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu dengan ini mengambil keputusan berhubung kebenaran aktiviti keagamaan di masjid dan surau seperti berikut:-

- a) Semua aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan di masjid dan surau adalah **DIBENARKAN** berkuatkuasa serta merta.
- b) Menerima keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Kali Ke-13 Penggal Ke-13 yang bersidang pada 5 Oktober 2020 berkaitan had umur minima yang dibenarkan

menunaikan solat jemaah di masjid dan surau diturunkan dari umur 15 tahun ke 12 tahun.

- c) Jawatankuasa Masjid dan Surau hendaklah memastikan ahli jemaah yang hadir mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan yang telah ditetapkan serta syarat-syarat yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan mengharapkan supaya semua pihak termasuk rakyat jelata mematuhi semua arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan berdoa semoga rakyat jelata sentiasa berada dalam lindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wataala.

Menjunjung titah,



DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA

YANG DIPERTUA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

24 NOVEMBER 2020M BERSAMAAN 8 RABI'ULAKHIR 1442H